

Sejarah Tahun 5-Bangkit Berjuang Penjajah Ditentang

Baca soalan dan fahami soalan serta jawab pilihan yang paling betul.

1.Dol Said menentang Pihak British bagi mempertahankan kedaulatan

- A Muar
- B Sungai Ujong
- C Naning
- D Seri Menanti

2.Dato Bahaman berjaya menawan _____ dengan bantuan Tok Gajah dan Mat Kilau

- A Jeram Ampai
- B Lubuk Terua
- C Lubuk Antu
- D Jeram Batu

3. Mereka ini dikenali sebagai Tokoh Kedamaian kerana mereka tidak menggunakan kekerasan ketika menentang penjajah, KECUALI

- A Pak Sako
- B Tun Tan Cheng Lock
- C S.A. Ganapathy
- D Dato' Maharaja Lela

4.Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menolak campur tangan kuasa luar dalam pentadbiran negara kita?

- A Untuk mengelakkan penjajahan
- B Mengekalkan kedaulatan negara kita
- C Untuk memecahbelahkan perpaduan kaum
- D Agar Malaysia mencerooboh negara lain

5.Antanom telah mendirikan kubu pertahanan di _____ bagi menyerang tentera Syarikat Borneo Utara British

- A Sungai Rejang
- B Sungai Skrang
- C Sungai Selangit

D Sungai Kinabatangan

6. Berikut merupakan sebab mengapa Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British, KECUALI

- A Kehilangan pengaruh
- B Membantah cukai yang dikenakan dan peraturan baharu
- C Menganggap British menghina mereka

7. Tokoh ini menentang campur tangan British dalam pentadbiran Klang dan perusahaan bijih timah. Beliau juga tidak berpuas hati dengan pelantikan Tunku Kudin sebagai Yamtuan Selangor. Siapakah beliau?

- A Dato' Maharaja Lela
- B Haji Abdul Rahman Limbong
- C Dol Said
- D Raja Mahadi

8. Beliau menentang James Brooke kerana menganggap orang Iban sebagai lanun. Siapakah beliau?

- A Rentap
- B Antanom
- C Mat Salleh
- D Tok Janggut

9. Tunku Antah telah dilantik menjadi Yamtuan _____ pada tahun 1875

- A Seri Menanti
- B Sungai Ujong
- C Terachi
- D Jempol

10. Yang manakah pernyataan di bawah adalah salah

- A Sharif Masahor menyerang kubu Brooke di Kanowit.
- B Tok Janggut menyokong system pentadbiran British.
- C SBUB menjadikan kaum Murut sebagai buruh paksa untuk membina jalan.
- D James Brooke menganggap orang Iban sebagai lanun.